

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 43 RABU 25 OKTOBER, 1967
1387 رجب 21
PERCHUMA

PEMANGKU MENTERI BESAR MELAWAT KA-PROJEK² **PEMBANGUNAN DI-DAERAH BELAIT**

KUALA BELAIT. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim dalam minggu lalu telah melawat ka-kawasan² projek perkembangan di-Kuala Belait.

Beliau telah di-iringi oleh Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, Pemangku Pesuruhjaya Kemajuan, Awang Zakaria bin Haji Sulaiman dan Jurutera Kanan Jabatan Kerja Raya, Awang Wong Chow Kee.

Mula² beliau telah melawat ka-tapak rumah sakit baru yang di-chadangkan bagi Kuala Belait.

Rumah sakit baru itu yang merupakan projek yang diberikan keutamaan dalam rancangan perkembangan di-daerah itu, akan menggantikan rumah sakit yang ada sekarang ini dan ia-nya di-taksirkan berharga sa-banyak \$13 juta.

Tawaran² bagi pembenaannya telah pun di-pelawa dari pemborong² yang di-benarkan dan di-jadualkan di-tutup pada hari ini.

Pemangku Menteri Besar serta rombongan kemudiannya melawat tapak² tanah yang di-chadangkan bagi pembinaan Sekolah Pertukangan, Sekolah Menengah, Pusat Tenaga Elektrik yang menggunakan gas tarbain, Dewan Kemasyarakatan dan dua buah rancangan perpindahan.

Pemangku Menteri Besar telah melahirkan kegembiraannya bahawa kerja² telah pun di-jalankan untuk membina sekolah pertukangan dan sekolah menengah itu. Kedua² projek itu di-taksirkan berharga sa-banyak \$9 juta.


Sekolah Pertukangan itu ada-lah salah satu dari tiga buah sekolah pertukangan yang di-ranchangkan bagi negeri ini.

Sa-buah di-ranchangkan dekat Bandar Brunei dan sa-buah lagi di-Tutong.

Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Yusof telah mengakhiri lawatan beliau dengan melawat rancangan perpindahan Melayu dalam kawasan Sungai Duhon. Tiap² satu keluarga di-Sungai Duhon akan di-berikan sa-bidang tanah sa-luas satu ekar sa-tengah untuk mendirikan rumah dan berchuchok tanam.



Gambar atas menunjukkan Yang Amat Berhormat, Pemangku Menteri Besar (di-sabelah kiri sekali) sedang mengikuti penerangan dari Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin mengenai dengan pembinaan bangunan Sekolah Pertukangan di-Kuala Belait. Sekolah tersebut akan di-bina di-kawasan lapang yang kelihatan di-belakang mereka. No. 2 dari kiri ia-lah Pemangku Pesuruhjaya Kemajuan Awang Zakaria dan di-sabelah beliau ia-lah Jurutera Kanan Jabatan Kerja Raya, Awang Wong Chow Kee.



Dalam lawatan ka-beberapa buah projek pembinaan di-Kuala Belait, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar telah juga berkesempatan mengadakan lawatan ka-Pusat Tenaga Elektrik yang menggunakan gas tarbain di-Seria.

Bangunan SMMP
di-luaskan
berikutan
bertambah-nya
penuntut²

BANDAR BRUNEI. — Sekolah Menengah Melayu Pertama Brunei akan di-perluaskan untuk menempatkan lagi lima ratus orang penuntut dari jumlah yang ada sekarang sa-ramai 1,200 orang.

Kerja pembinaan tapak dua buah blok bangunan tiga tingkat, sudah pun di-mulakan untuk menempatkan penuntut² tambahan yang memerlukan kelas di-sekolah tersebut tahun depan.

Kerja² itu ada-lah merupakan projek yang di-utamakan dan sebaik² sahaja kerja² menanam panchang selesai, kedua² buah bangunan yang bertentangan itu, di-jangka siap dalam bulan Julai tahun depan.

Bangunan Sekolah Menengah Melayu Pertama yang ada sekarang ada-lah bekas Sekolah SMJA ia-itu sa-buah sekolah rendah yang penuntut²-nya pada setiap tahun, akan di-pindahkan ka-Sekolah Menengah apabila mereka menchapai ka-peringkat itu.

Sa-orang juruchapak Jabatan Pelajaran berkata, apabila bangunan tambahan itu siap, ia-nya akan mempunyai 12 buah darjah tambahan bagi SMMP.

Bangunan tambahan itu juga akan mempunyai perpustakaan sekolah dan bilek² untuk guru². Sa-buah auditorium dan sa-buah kanten juga sedang di-bina.

Juruchapak itu berkata, Sekolah Menengah Melayu Pertama, mengambil penuntut² yang layak kemasokan-nya ka-sekolah² menengah bukan

**Gula-gula
mengandongi
arak:
ibu-bapa
di-seru
awasi anak2
mereka**

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Hal Ehwal Ugama telah merayu kepada ibu-bapa kaum muslimin supaya mengambil segala langkah untuk menjaga moral kaum perempuan dan kanak2 Islam.

Seruan ini di-buat berikutan dengan terdapat beberapa buah kedai yang menjual gula-gula dan minuman ringan di-ibu kota ini sedang menjual gula-gula yang mengandongi arak atau alkohol.

Mufti Negeri Brunei telah memutuskan bahawa arak dalam apa bentuk pun ada-lah haram.

Jabatan itu pada hari Juma'at lepas telah menjadikan fatwa Mufti itu tajok khutbah di-semua masjid di-negeri ini.

Ia-nya berkata, gula-gula tersebut yang sedang di-jual di-negeri ini ada-lah sangat merbahaya, khas-nya kepada pemuda dan kanak2 sekolah kerana oleh sebab gula-gula itu boleh memabokkan dan menimbulkan kesan2 yang tidak di-ingini seperti tidak sedarkan diri atau akal-nya tidak siuman.

Khutbah itu meminta ibu-bapa dan penjaga2 kanak2 supaya menjaga anak2 mereka dan memberi tahu mereka supaya jangan membeli atau makan gula-gula tersebut.

Gula-gula itu di-buat di-negeri Itali. Arak yang di-uli dengan gula itu ada-lah berbagai jenis seperti brandy, whisky, rum atau jin.

Bungkusan gula-gula itu bertulis dengan nama2 arak itu.

Khutbah itu juga merayu kepada ibu-bapa supaya menjaga anak2 mereka dari memakan lain2 bentuk gula-gula yang memabokkan yang memberi kesan yang tidak di-ingini.

Ia-nya menyebut tentang coklat yang di-jual di-lain2 negeri. Coklat itu jika di-makan boleh merosakkan moral.

Ibu-bapa di-minta berjaga2 terhadap coklat2 seperti itu yang mungkin ada di-bawa masuk ka-dalam negeri ini.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan itu berkata, jabatannya meminta kerjasama dari Pengarah Pelajaran supaya mengharamkan penjualan gula-gula atau coklat yang mengandongi arak di-kedai sekolah di-seluruh negeri ini.

Ranchangan mengadakan ayer tambahan menchukopi bagi 25 tahun akan datang

BANDAR BRUNEI. — Kemajuan sa-lanjut-nya telah tercapai dalam ranchangan untuk mengadakan ayer tambahan di-kawasan2 yang lebeh banyak dalam Daerah Brunei/Muara dan Tutong.

Ranchangan itu bertujuan untuk menentukan perbekalan ayer yang menchukopi bagi 25 tahun yang akan datang dengan tambahan sa-banyak 6 juta gilin sa-hari.

Ayer tersebut akan di-perolehi dari sungai Tutong. Ayer itu akan di-tapis dan di-olah di-sa-buah loji ayer yang berhampiran untuk di-salurkan melalui satu rangkaian saloran2 paip yang besar ka-beberapa buah kolam ayer di-tiap2 kawasan perbekalan.

Sa-orang juruchakap Jabatan Kerja Raya berkata, kerja2 sedang

di-jalankan untuk mengukur sungai guna menyiasat tentang pengaliran ayer di-sungai itu.

Kerja2 ukur bagi saloran2 paip itu serta bentuk rekaan permulaan bagi kerja2 itu sedang di-jalankan.

12 JUTA GILIN

Meski pun ranchangan itu pada mula-nya akan dapat mengadakan perbekalan tambahan sa-banyak enam juta gilin sa-hari, namun peruntukan telah di-buat dalam bentuk rekaan permulaan itu untuk membesarkan-nya supaya dapat mengadakan sa-hingga 12 juta gilin sa-hari apabila jumlah penduduk dan keperluan2 ayer di-negeri ini semakin bertambah.

Ranchangan itu melibatkan


pembinaan loji menerima ayer di-Kampung Kuala Unga, pembinaan sa-buah stesen mengepam ayer dan loji meng-ulah ayer.

Ranchangan2 ayer sa-rupa itu sedang di-pertimbangkan bagi daerah2 Belait dan Temburong.

Untuk memenuhi keperluan segera bagi kawasan Bandaran Brunei, sa-buah ampangan akan di-bena menyeberangi sungai Kianggeh untuk membendung ayer.

Ayer tersebut akan di-pam ka-kolam ayer Tasek dan pukul rata satu tambahan sa-banyak satu juta gilin sa-hari akan dapat di-perolehi.

Tirisan dari kolam itu akan dapat di-gunakan kembali dengan mengemap-nya ka-kolam ayer itu.



Gambar atas menunjukkan pemandangan di-Ampangan Ayer Tasek.

PEGAWAI AMDB BERKURSUS KA-AMERIKA

BANDAR BRUNEI. — Pemerintah Platoon Helikopter Askar Melayu Di-Raja Brunei, Major H. Marshall telah berlepas ka-Amerika Sharikat pada minggu lalu untuk menghadiri kursus mengenai pemeliharaan pesawat helikopter jenis Bell Jet Ranger.

Major Marshall akan ditempatkan di-Sharikat Bell Helikopter di-Fort Worth Taxes sa-lama dua minggu.

Sa-lama berada di-Amerika

Sharikat, Major Marshall akan menjalani latihan di-bumi sa-lama 16 jam dan latihan penerbangan sa-lama 5 jam.

Sa-orang juruchakap Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei berkata, sa-buah pesawat helikopter jenis Bell Jet Ranger yang di-pesan dari Amerika Sharikat tidak beberapa lama dulu, sekarang ini sedang dalam perjalanan-nya ka-Brunei.

Pesawat helikopter itu di-jangka tiba di-negeri ini dalam

bulan Disember tahun ini.

Sementara itu, pada hari Isnin yang lalu dua orang pegawai kadet Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei telah kembali ka-Brunei sa-lepas selesai menjalani latihan sa-lama enam bulan di-Sekolah Mons Officer Cadet di-Aldershot.

Mereka itu ia-lah Letnan Muda Mohd Noah bin Abdul Hamid dan Letnan Muda Ibrahim bin Jumaat.

Jabatan Kebajikan bantu Persatuan2 Belia Pusat Belia dalam kerja2 pembenaan

BANDAR BRUNEI. — Pesuruhjaya Kebajikan Masyarakat, Awang Salleh bin Haji Masri telah menepati janji-nya untuk membantu persatuan2 belia untuk memperlempangkan bangunan2 belia mereka.

Beliau pernah memberitahu persatuan2 belia di-negeri ini bahawa persatuan yang mendirikan sendiri rumah kelab masing2 akan diberikan bantuan kewangan untuk membeli alat2 perabot.

Bantuan itu di-berikan saimbang dengan jumlah yang dapat di-kumpulkan oleh persatuan2 kerana tujuan tersebut, tetapi tidak akan melebihi \$300 dalam sa-barang perkara.

Dalam minggu lalu dua buah persatuan ia-itu Persatuan PERDA dan Persatuan Belia Sengkuring telah datang ka-pejabat-nya untuk menerima bantuan kewangan itu.

Persatuan2 itu telah mem-

bena rumah2 kelab sa-bagai mana yang di-kehendaki dan berhasil memunggut jumlah wang yang di-perlukan untuk membolehkan mendapatkan charum dari Jabatan Kebajikan itu.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Kebajikan berkata, 58 buah persatuan belia dengan keanggotaan dari sa-ramai 24 hingga 80 orang telah di-tubuhkan di-seluruh negeri ini.

Akan tetapi hanya PERDA dan Belia Sengkuring buat pertama kali-nya berjaya menyampornakan rumah kelab-nya untuk layak menerima bantuan kewangan tersebut.

Sementara itu, Pusat Belia yang di-bena di-sebelah Lapau

baru di-Bandar Brunei telah mula ternyata bentok-nya. Pusat itu di-jangka siap pada awal tahun 1969.

Pembinaan pusat tersebut di-mulakan pada penghujung bulan Ogos sa-telah Duli Yang Maha Mulia Seri Sultan Hassanah Bolkiah Muizzuddin Waddaulah ketika itu sa-bagai Duli Pengiran Muda Mahkota meletakkan batu asas bangunan tersebut.

Baginda kemudian - nya menyerahkan pusat itu kepada belia2 supaya bekerja dengan tulus ikhlas dan berusaha se-beberapa yang boleh untuk memupok kebajikan raayat, kesenian dan kebudayaan negara.

Pusat itu di-taksirkan akan menelan belanja sa-banyak \$2 juta dan akan merupakan salah satu dari pusat2 peliporan yang termoden dan paling menarik di-bahagian dunia di-sebelah sini.

Apabila siap kelak, ia-nya akan mempunyai sa-buah dewan perhimpunan bagi 1,000 orang, sa-buah dewan gymnasium, sa-buah kolam renang ukoran olympik, sa-buah blok sains rumah tangga, bilek peliporan dan jamuan, dan asrama yang berasingan bagi pemuda dan pemudi.

Walau bagaimana pun, belia2 Brunei serta juga orang dewasa, tua muda akan dapat menyertai dalam sokan2 yang ada hubungan - nya dengan ayer sa-belum kolam mandi di-pusat itu siap kelak.

Sa-buah kolam renang ukoran olympik sekarang ini sedang dalam pembenaan berhampiran dengan Bandar Brunei untuk mengadakan kemudahan tambahan kepada raayat Brunei.

Kolam renang ini merupakan sa-bahagian dari rangkaian stadium, satu2-nya projek yang di-umumkan oleh kerajaan dalam tahun 1965 untuk memajukan sokan dan olah raga di-kalangan raayat negeri ini.

AMDB

KEHENDAKI

AHLI2 BARU

BANDAR BRUNEI. — Askar Melayu Di-Raja Brunei akan melancarkan kempen mengambill orang2 baru mulai 9 November untuk memilih 70 orang rekrut baru untuk menjadi anggota askar itu pada 10 Januari tahun depan.

Mulai dari 9 November hingga kempen itu tamat pada 30 November pasokan pengambilan orang baru akan menjalankan temu duga, ujian2 dan pemeriksaan doktor bagi orang2 yang hendak berkhidmat dalam pasokan itu.

Pasokan pengambilan orang baru itu akan berada di-Dewan Kemasyarakatan di-Bandar Brunei pada 9 November mulai 8.15 pagi hingga pukul 4.00 petang dan pada 30 November hingga pukul 12.15 tengah hari.

Pada 13 November pasokan pengambilan orang baru itu akan berada di-bilik mashuarat di-Tutong untuk menjalankan temu duga kepada orang2 yang hendak berkhidmat dalam pasokan itu mulai pukul 10.30 pagi hingga 12.15 tengah hari.

Di-Daerah Belait

Sukarelawan2 dari Daerah Belait akan di-terima oleh pasokan pengambilan orang baru itu di-bilik Bachaan Jabatan Penerangan di-Kuala Belait pada 16 November mulai pukul 8.15 pagi hingga pukul 1.00 petang.

Pada 27 November pasokan pengambilan orang baru itu akan melawat Bangar untuk menemu duga sukarelawan2 dari Daerah Temburong bertempat di-perkhemahan Askar Melayu Di-Raja di-Bandar mulai 8.30 pagi hingga hingga 12.15 tengah hari.

Sukarelawan2 mesti-lah belum berkahwin, umur di-antara 18 dan 25 tahun dan tidak kurang dari 5 kaki tinggi. Mereka juga mesti-lah raayat Brunei dan bangsa Melayu.

Bila di-dambil berkhidmat nanti rekrut2 itu akan di-berikan latihan sa-lama 12 minggu di-Pekhema-han Askar Melayu Di-Raja Brunei di-Berakas.

Pada penghujung minggu yang ke-12 satu perbarisan tamat latihan akan di-adakan dan rekrut2 itu di-beri chuti sa-lama dua minggu.

Sa-kembali mereka dari berchuti rekrut2 itu akan memulakan latihan peringkat kedua.

Ini mengandongi latihan terus menerus sa-lama empat minggu dalam mana mereka akan di-ajar chara2 peperangan hutan, membacha peta, hal2 berkenaan dengan alat dan pesawat2 di-darat dan ayer dan juga pertolongan chemas.



Pesuruhjaya Kebajikan, Awg. Salleh b. Haji Masri sedang menyampaikan bantuan wang untuk membeli perabot2 yang akan di-gunakan di-dua buah rumah persatuan belia. Dalam gambar atas kelihatan Awang Ahmad Kadi dari Persatuan PERDA dan Awang Judin Asar dari Persatuan Belia Sengkuring sedang menerima bantuan tersebut.



Gambar atas ia-lah menunjukkan kerja2 pembenaan Pusat Belia sedang giat di-laksanakan.

25 OKTOBER, 1967

MURID2 MAKIN BERTAMBAH

MASA'ALAH semakin bertambahnya murid2 sekolah apabila menjelang tahun baharu bukanlah menjadi satu masa'alah yang luar biasa, malah sa-memangnya terjadi walau di-mana2 pun. Sa-bagaimana bertambahnya bilangan penduduk negara, maka tidak boleh tidak satu2 jurusan yang di-dalamnya sama ada yang penting mahu pun yang menjadi soal2 biasa, sudah tentu menghadapi perubahan-nya sa-bagaimana berubahnya keadaan keliling dan suasananya dunia.

Ada-lah menjadi kenyataan yang tidak boleh di-naifkan lagi bahawa dalam pembangunan ekonomi dan masharakat, maka pelajaran ada-lah satu2nya jurusan yang maha penting dan kemajuan satu2 negara itu banyak yang bergantung kepada penduduknya yang berilmu pengetahuan.

Hal ini telah di-bayangkan dalam sa-buah rancangan khas radio yang di-terbitkan oleh Pertubuhan Bangsa2 Bersatu yang di-beri topik 'Tugas yang paling penting' atau 'the most important business'.

Belum lama dulu, Kerajaan telah mengambil langkah yang tegas bagi kemajuan pelajaran di-kalangan rakyat negeri ini dengan menghantar berpuluh2 orang pelajar ka-saberng laut untuk melanjutkan pelajaran mereka sa-hingga berjaya memegang ijazah2 dalam satu2 jurusan yang mereka tuntut. Sa-chara terus menerus biasiswa2 untuk melanjutkan pelajaran itu telah, sedang dan akan di-adakan.

Keadaan sepi tidak berlaku, bahkan bangunan2 sekolah yang menjadi pusat2 pengajian anak2 bangsa tertegak bukan hanya di-bandar2 tetapi merayap hingga ka-pelusuk kampung2 pedalaman. Namun begitu kita tetap menghadapi soal bertambahnya bilangan murid2 sekolah, kerana negeri kita semakin membangun dan kesedaran rakyat terhadap pelajaran semakin berkembang subur.

Kerajaan mengorak langkah yang wajar terhadap bangunan SMMP yang ada sekarang berikutan dengan bertambahnya bilangan penuntut2 di-sekolah menengah itu. Walau pun bangunan baru SMMP dalam perjalanan pembenaannya dewasa ini namun Kerajaan terpaksa juga mengadakan tambahan kepada bangunan yang ada sekarang demi untuk menempatkan penuntut2 baru yang membanjiri-nya.

Soal mengadakan tambahan terhadap bangunan2 sekolah bukan-lah hanya berlaku di-SMMP bahkan berlaku juga di-beberapa buah sekolah dalam Daerah Brunei, Belait, Tutong dan Temburong. Ini ada-lah salah satu langkah Kerajaan terhadap bertambahnya murid2 sekolah yang bukan hanya berlaku pada tahun hadapan, bahkan di-tahun2 yang akan kita hadapi bersama.

Gula-gula yang mengandongi arak bergema dalam Khutbah Jumaat Mufti beri penjelasan: 'gula-gula itu ada-lah haram'

PERISTEWA gula-gula yang mengandongi arak telah menjadi perbincangan umum sejak berita mengenai gula-gula itu disiarkan melalui radio dan kemudian-nya di-siarkan kembali di-surat2 khabar tempatan.

Dari perbincangan2 di-kedai2 kopi, di-tepi2 jalan, di-rumah2 dan di-pertemuan umum, tajok gula-gula yang mengandongi alkohol atau arak ini tidak habis2nya mengambil tempat yang agak penting dan atas tajok itu juga bergema dari menara Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei dalam khutbah di-upacara sembahyang Jumaat lepas.

Dalam khutbah Jumaat itu, perhatian Jabatan Hal-Ehwal Ugama tidak-lah hanya tertumpu atas serangan gula-gula tersebut, tetapi telah dapat menggali dan menyuruti satu kemungkinan serangan yang berbentuk sama tetapi bahaya-nya lebeh ia-itu berhubung dengan 'choklat berahi' yang pada masa ini sedang menyerang Malaysia Barat.

Khutbah Jumaat itu telah di-bachakan oleh Yang Di-Muliakan Pehin Khatib Haji Yusof bin Pehin Serj Wangsa Haji Mohammad dan kandongan penoh-nya ada-lah saperti berikut:

Dunia sekarang ini sedang menghadapi berbagai2 penyakit dan Negeri Brunei tidak-lah terlepas daripada penyakit2 yang boleh merosakkan kita, khas-nya angkatan pemuda pemudi yang ada sekarang ini termasuk-lah kanak2 sekolah.

Menurut berita Radio Brunei yang kemudian-nya di-siarkan kembali di-surat2 khabar tempatan bahawa gula-gula yang di-katakan mengandongi arak ada di-jual dalam bungkusan2 panjangnya lebeh kurang 4 inci dan di-balutnya ada bertulis dengan nama2 arak saperti brandy, whisky, ram dan lain2. Gula-gula tersebut ada di-jual di-beberapa buah kedai penjual gula-gula dan juga di-kedai2 minuman ringan. Penjualan gula-gula tersebut telah berjalan sa-lama beberapa waktu.

Menurut Mufti Kerajaan Brunei bahawa hendak-lah diketahui bahawa arak dan tuak dan sa-bagai-nya, ia-itu tian2 yang chair yang memabukkan ada-lah haram diminum dan di-makan dan ditelan sekali pun ia telah men-

jadi beku dan keras — sekali pun ia telah di-uli dengan sampama tepong gandum — sekali pun ia di-champur dengan berbagai2 campuran yang lain.

Maka dalam masa'alah gula-gula yang mengandongi minuman yang memabukkan ada-lah haram, sekali pun ia tiada memabukkan kerana gula-gula itu telah berchampur dengan arak — kerana arak itu jenis najis.

Apa yang di-katakan gula-gula yang mengandongi arak itu yang sedang di-jual dalam negeri ini ada-lah sangat merbahaya, khas-nya kepada pemudi2 dan kanak2 sekolah. Gula-gula yang mengandongi arak ada-lah perkara yang boleh membahayakan anak2 kita khas-nya yang sedang berada di-bangku sekolah. Dan gula-gula tersebut sangat merbahaya kepada anak2 gadis, kerana anak2 gadis yang di-beri gula-gula tersebut tentu-lah akan mabok dan 'akal-nya tidak siuman.

AKIBAT-NYA

Dalam hal yang demikian kita dapat-lah membayangkan akibat yang akan terjadi kepada anak2 gadis yang mabok, khas-nya kalau yang memberi-nya gula-gula itu sa-orang lelaki yang dengan senhaja menghendaki supaya anak gadis itu hilang 'akal-nya.

Berhubung dengan gula-gula yang mengandongi arak ini, maka ada lagi satu penyakit atau ada satu gula-gula yang lebeh dahat kesan-nya daripada gula-gula yang mengandongi arak itu. Gula-gula itu ia-lah choklat berahi.

Menurut surat khabar Mingguan Malaysia keluaran 15 Oktober, 1967 bahawa Timbalan O.C.P.D. Bahagian Jenayah, Kuala Lumpur telah memberi keterangan berhubung dengan choklat berahi itu. Beliau menerangkan:

"Bahawa choklat berahi ini serupa dengan choklat koko yang biasa di-jual di-kedai2. Choklat itu di-salut dengan kertas sa-bagaimana choklat koko. Sesiapa pun tidak menyangka yang ia choklat berahi dan kadang2 choklat berahi ini di-tumbok dan di-taroh serboknya ka-dalam makanan



Sahibul Fadhilah Awang Hj. Ismail bin Omar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan Brunei.

saperti teh, kopi, nasi dan di-beri makan kepada gadis2.

Menurut surat khabar tersebut lagi, bahawa choklat berahi itu bila di-beri makan kepada anak2 gadis atau wanita2 lain-nya, maka wanita itu rela di-setubohi dengan tidak payah dipaksa2.

Tujuan untuk menyimpan choklat berahi itu tidak lain hanya-lah untuk menjahanamkan anak2 gadis, di-samping hendak memuaskan nafsu. Tentu-lah yang menjadi sasaran choklat berahi itu ia-lah gadis2 dan anak2 sekolah.

Nampak-nya Brunei sedang di-serang oleh apa yang dinamakan gula2 yang mengandongi arak, dan tidak-lah mustahil pada satu ketika Brunei akan di-serang oleh choklat berahi yang semata tujuan-nya untuk menjahanamkan gadis2 dan wanita2.

Oleh itu seluruh kaum muslimin khas-nya ibu bapa yang mempunyai anak2 gadis, hendak-lah sentiasa mengawal dengan rapi anak2 gadis mereka dan anak2 gadis sendiri hendak-lah sentiasa sadar bahawa kehormatan mereka ada-lah sentiasa di-dalam anchaman.

Untuk mengelakkan daripada segala anchaman2 yang terbit daripada gula2 baik gula2 arak mahu pun gula2 berahi, hendak-lah berjaga-jaga khas-nya di-dalam pergaulan, kerana perkara2 yang saperti ini berlaku di-dalam pergaulan2 yang bebas dan terkena kepada gadis2 atau wanita2 yang bebas juga. Akhir-nya ada-lah di-serukan supaya kaum Muslimin sekalian berjaga-jaga dan berusaha bagi menjauhkan penyakit zaman moden yang boleh menimpa kita, khas-nya pemuda pemudi kita dan kanak2 kita"

Pasar di-Bandar Brunei di-besarkan



Keadaan di-pasar masa ini penoh sesak

Gambar atas menunjukkan Pasar di-Bandar Brunei yang ada sekarang.

BANDAR BRUNEI. — Pasar Besar yang ada pada masa ini di-Bandar Brunei akan di-perbesarkan supaya dapat mengadakan lebih banyak lagi gerai2, untuk mengurangkan keadaan penoh sesak seperti yang terdapat dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Sa-orang juruchakap Lembaga Majlis Bandar-ban berkata, bentuk rekaan bangunan tambahan itu sedang di-siapkan oleh Jabatan Kerja Raya untuk di-pertimbangkan oleh Lembaga tersebut dan bentuk rekaan yang terbaik akan di-serahkan kepada kerajaan untuk mendapatkan keputusan.

TAMBAHAN

Bangunan tambahan yang di-chadangkan itu ada-lah berupa sementara dan bertujuan untuk memenuhi segera keperluan membeli belah bagi penduduk2 yang semakin bertambah itu. Ia-nya akan dibina dengan perbelanjaan yang sa-rendah2-nya, kerana bangunan itu akan di-gunakan untuk beberapa tahun sahaja.

Juruchakap itu menambah kata, untuk memenuhi keperluan penduduk2 yang semakin bertambah itu, maka sa-buah pasar yang moden bagi Bandar Brunei juga sedang direka.

Pasar yang ada sekarang ini telah di-bina 15 tahun yang lalu untuk memberikan perkhidmatan kepada penduduk2 Bandar Brunei yang ketika itu

kecil bilangan-nya.

Pasar tersebut akan di-runtohan apabila sa-buah pasar baru siap pembinaannya, sementara

tapak kawasan-nya yang ada sekarang akan digunakan kerana lain2 keperluan.

PERADUAN MENGARANG SAJAK DAN RENCHANA BELIA2

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei akan menganjurkan Peraduan Mengarang Sajak dan Renchana terbuka kepada Persatuan2 Belia dan Badan2 Kebajikan di-negeri ini bagi menyambut Nuzul Al-Koran 1,400 tahun dalam bulan hadapan.

Belia2 dan ahli2 Badan Kebajikan di-seluruh negeri Brunei ada-lah di-pelawa untuk memasoki peraduan tersebut.

Penulis2 yang ingin mengambil bahagian dalam peraduan ini hendak-lah patoh kepada peraturan2 dan syarat2 seperti di-bawah ini:—

- Peraduan ini terbuka kepada seluruh belia2 dan ahli2 Badan Kebajikan dalam Negeri Brunei.
- Penulis boleh menghantar lebih daripada satu sajak atau renchana dalam peraduan ini.
- Sajak atau renchana hendak-lah karangan asli (original) bukan sadoran atau terjemahan, dan belum pernah di-siarkan dimana2 pun.
- Sajak dan renchana hendak-lah di-tulis dengan tulisan Rumi atau Jawi dalam Bahasa Melayu di-atas kertas biasa (kertas kajang) pada sa-belah muka sahaja. Jika menggunakan mesin

tulis (tiap) hendak-lah di-taip dalam jarak dua barisan (double spacing) pada sa-belah muka sahaja. Kalau tulisan tangan hendak-lah menggunakan dawat.

- Sajak atau renchana hendak-lah di-buat dalam dua salinan tiap2 satu.
- Nama penulis atau nama semaran-nya (jika ada) tidak boleh di-tulis pada naskah sajak atau renchana. Nama hendak-lah di-buat pada kertas lain dengan alamat yang penoh.

THEMA

Sa-tiap sajak dan renchana mesti-lah berthematic atau yang berkisar di-segi Nuzul Al-Koran.

PERKATAAN:

Sajak ia-lah seperti sajak biasa dan renchana panjang-nya 1,500 hingga 2,000 perkataan.

TARIKH PENUTUP

Karangan2 mesti-lah sampai tangan Setia Usaha Mengarang Sajak dan Renchana peraduan ini tidak lewat daripada 4 November, 1967. Di-alamatkan kepada Awang Tamit bin Hj. Mangol, Jabatan Bandar2, Brunei.

HAK

Semua karangan menjadi hak jawatankuasa.

Peraduan Pementasan Tablo

TUTONG — Peraduan Pementasan Tablo ia-lah salah satu acara persembahan bagi merayakan Sambutan Nuzul Al-Koran 1,400 bagi Daerah Tutong.

Tablo yang akan di-perandingkan ia-lah berjudul **DI-BAWAH SINARAN SUCHI** hasil karya dan susunan bersama Awg. Abd Saman Kahar dan Awang Mahmud Bakry.

Peraduan tersebut hanya terbuka kepada Persatuan2 Belia, Badan2 Kebajikan, Sekolah Menengah dan Maktab2 di-Daerah Tutong.

Tiap2 Persatuan Belia, Badan Kebajikan, Sekolah Menengah dan Maktab hanya dibenarkan menghantar satu pasukan sahaja.

Persatuan2 Belia dan Badan2 Kebajikan yang belum lagi mendapat borang2 masuk ka-peraduan tersebut, silalah berhubung dengan Setia Usaha Peraduan, Awg. Samad bin Yahya, di-Pejabat Latrik, atau Kepada Penolong Pengurus Peraduan, Awang Ramlee bin Tunggal, di-Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong untuk mendapatkan borang2 bersama2 dengan naskah skripti tablo tersebut.

Borang2 tersebut hendak-lah di-kembalikan kepada nama2 yang di-sebutkan tadi tidak lewat dari 31 Oktober ini.

Belaït raikan sa-chara besar2an sambutan turun-nya kitab suchi Al-Koran

KUALA BELAIT. — Satu perarakan raksasa dengan menggunakan kereta akan di-adakan oleh umat Islam di-Daerah Belaït sebagai salah satu achara dalam perayaan menyambut Hari Nuzul Al-Koran — turun-nya kitao suchi Al-Koran 1,400 tahun dalam bulan November hadapan.

Perarakan tersebut di-jadualkan akan di-mulakan dari Gelanggang Sokan Seria, kemudian mengelilingi kawasan Pekan Seria dan terus menuju ka-Kuala Belaït. Sa-belum memasoki kawasan padang kecil, perarakan tersebut akan berkeliling Pekan Kuala Belaït. Di-padang kecil kemudian-nya akan di-adakan satu perhimpunan ramai untuk mendengar cheramah2 khas dari alim ulama mengenai Al-Koran.

Pegawai Daerah Belaït, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail yang telah di-pi-

leh menjadi Pengerusi Jawatankuasa Sambutan bagi Daerah Belaït telah menyeru orang2 Islam yang mempunyai kereta dalam daerah ini supaya mengambil bahagian dalam perarakan tersebut.

Beliau juga mengharapkan agar seluruh kaum Islam di-daerah ini memberikan dukungan dan sokongan yang kuat kepada Jawatankuasa dalam usaha-nya menyambut perayaan tersebut supaya berjaya dan berkesan.

Dalam mashuarat yang telah berlangsung pada hari

Sabtu lepas, beberapa keputusan telah di-ambil mengenai chorak sambutan dan juga menetapkan hari2 perayaan.

Perayaan di-Daerah Belaït akan di-mulakan pada 16 November, 1967. Perayaan tersebut akan di-adakan selama beberapa hari dan tempat perayaan ia-lah di-padang kecil, Kuala Belaït. Perarakan berkereta itu mungkin akan di-adakan pada 18 November.

Lain2 achara yang telah dipersetujui dalam mashuarat itu ia-lah:—

Cheramah2 khas yang akan di-berikan oleh ahli2 agama.

Peraduan membaca sajak dan sharahan yang berthemakan Al-Koran. Peraduan ini di-bahagikan dua bahagian—murid2/pemudut2 dan badan2 belia dan kebajikan di-daerah ini.

Peraduan membaca berzanji, Bang dan Kasidah, pertandingan Nashid Hadzrah, Peraduan menghafaz Koran, Pertandingan sharahan dan membaca Koran bagi murid2 sekolah dan peraduan membaca Al-Koran bagi orang2 dewasa.

Pertandingan sharahan dan membaca Al-Koran bagi murid2 sekolah dan orang2 dewasa ada-lah ranchangan yang biasa di-adakan tiap2 tahun. Bahagian orang2 dewasa ia-lah untuk memilih Johan membaca Al-Koran Daerah Belaït yang akan di-hantar ka-Bandar Brunei dalam pertandingan Sa-Negeri bagi memilih Johan negeri ka-pertandingan antara-bangsa di-Kuala Lumpur.

Sharikat Minyak Shell tawarkan biasiswa untuk raayat Brunei

SERIA. — Sharikat Minyak Shell Brunei telah mengumumkan tawaran biasiswa bagi mendapatkan ijazah di-universiti2 United Kingdom.

Biasiswa2 itu ada-lah bagi sa-barang mata pelajaran selama tiga tahun, tetapi permohonan2 akan juga di-perimbangkan bagi chalon2 yang ingin menjalani kursus ijazah yang lebih lama.

Menurut pengumuman itu, permohonan2 itu hendak-lah di-hantar kepada Ketua Jabatan Hubungan Perusahaan, Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Seria sa-belum 28 Oktober, 1967.

Pemohon2 mesti-lah orang2 yang benar2 layak dari raayat Brunei atau pun berhak di-daftarkan menjadi raayat, berumur di-bawah 23 tahun pada 31 Disember, 1967 dan memegang Sijil Persekolahan Seberang Laut grade satu atau Sijil Persekolahan Tinggi atau pun sa-banding dengan-nya.

Mengenai pemohon2 yang masih belum memasoki peperiksaan Sijil Persekolahan Tinggi, biasiswa itu akan di-berikan buat sementara, bergantung kepada keputusan peperiksaan-nya.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit


Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari Rabu 25 Oktober, 1967 hingga ka-hari Selasa 31 Oktober, 1967 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
25 Okt.	12-11	3-29	6-10	7-24	4-33	4-48	6-05	
26 Okt.	12-10	3-28	6-09	7-23	4-33	4-48	6-05	
27 Okt.	12-10	3-28	6-09	7-23	4-33	4-48	6-05	
28 Okt.	12-10	3-28	6-09	7-23	4-33	4-48	6-05	
29 Okt.	12-10	3-28	6-09	7-23	4-33	4-48	6-05	
30 Okt.	12-10	3-28	6-09	7-23	4-33	4-48	6-05	
31 Okt.	12-10	3-28	6-09	7-23	4-33	4-48	6-05	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belaït hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembhyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

BALATIH PUNYA PASAL IKAT SAJA DI-POHON PIASAU



Langkah pencegahan terhadap penyakit haiwan

Jabatan Pertanian kenakan peraturan karantin

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pertanian telah mengumumkan minggu lalu yang ia-nya akan mengkaji semula dan mengenakan peraturan karantin dan mencegah penyakit haiwan untuk melindungi perusahaan ternakan dan kesihatan umum di-negeri ini.

Langkah ini di-ambil untuk menyamakan peraturan negeri ini dengan yang di-amalkan di-Malaysia dan Singapura. Malaysia dan Singapura telah pun meluluskan shor2 Pertubuhan FAO dan WHO mengenai perdagangan haiwan di-peringkat antara bangsa.

Pengarah Pertanian, Awang K. G. Malet berkata, baharu2 ini telah berlaku beberapa kejadian berhubung dengan kemasokan binatang2 ternakan ka-negeri ini dengan tidak mendapat kebenaran yang sah dari Pegawai Haiwan.

PEMUNGGAHAN

Usaha mengimpot serupa itu ada-lah melanggar peraturan dan ia-nya mungkin akan mengakibatkan tersibar-nya penyakit di-kalangan binatang ternakan di-negeri ini.

Awang Malet berkata, pemunggaan binatang ternakan dari sa-buah kapal ka-sa-buah

kapal yang lain dalam kawasan negeri ini ada-lah juga melanggar peraturan jika tidak mendapat kebenaran terlebih dahulu dari Pegawai Haiwan.


Peraturan ini ada-lah perlu di-kenakan oleh kerana terdapat penyakit anjing gila di-beberapa negeri yang tertentu.

Penyakit yang merebak itu walau bagaimana pun tidak melibatkan United Kingdom, Ireland, New Zealand, Australia dan negeri2 Malaysia Timor dan kemasokan anjing dan kucing dari negera2 tersebut tidak-lah di-larang.

Sungguh pun kemasokan anjing dan kucing dari negeri2 yang di-timpa penyakit anjing gila itu di-gantong, impot dari lain2 negeri ada-lah tertaklok kepada karantin sa-lama enam bulan di-Kuching dan Jesselton.

Peraturan ini akan berjalan terus sa-hingga kandang karantin untuk anjing2 di-Klinik Haiwan siap di-bena.

SURAU BARU DI-BUNUT



Ini-lah bangunan surau di-Kampung Bunut yang sedang dalam pembinaan.

BUNUT. — Sa-buah surau baru sedang di-bena di-Kampung Bunut bagi memberikan penduduk2 di-kampung itu sa-buah tempat beribadat yang lebih sempurna dan merupakan tempat di-adakan perjumpaan2, bertukar2 fikiran dan sharahan2 mengenai ugama.

Kampung Bunut yang letaknya kira2 5 batu dari Bandar Brunei di-Jalan Tutong, adalah sa-buah kampung yang semakin berkembang sa-telah ia-nya di-buka untuk keluarga dari Kampung Ayer dalam tahun 1952.

Setia Usaha Jawatankuasa Pembinaan Bangunan Surau tersebut, Yang Berhormat

Awang Haji Halus bin Abdul Samad berkata, apabila siap kelak ia-nya boleh menampung 600 orang. Surau itu di-anggarkan berharga kira2 \$20,000 tetapi sa-takat ini hanya \$10,000 telah di-kumpulkan dari derma orang ramai.

Beliau menyeru orang2 Islam di-kawasan itu supaya bermurah hati memberikan derma terhadap tabong pembinaan surau tersebut, supaya kerja2 pembinaan-nya berjalan dengan baik.

Kata-nya, jawatan kuasa surau itu mengharap akan dapat menggunakan surau itu sa-belum penghujung tahun ini.

Dua orang pegawai kerajaan hadhiri kursus di-Australia mengenai penyiaran pertanian

BANDAR BRUNEI. — Dua orang pegawai kerajaan telah bertolak ka-Sydney, Australia pada hari Khamis yang lalu untuk menghadiri kursus mengenai chara2 menjalankan penyiaran pertanian sa-lama enam minggu.

Mereka itu ia-lah Awang Ramlee bin Mohd Said, sa-orang Pembantu Ranchangan Bahagian Melayu di-Radio Brunei dan Awang Suhaimi bin Haji Ismail, Penolong Pegawai Penerangan di-Jabatan Pertanian.

Dalam minggu pertama, mereka akan menghabiskan masa di-Ibu Pejabat Suruhanjaya Penyiaran Australia di Sydney, sa-belum mereka di-hantar ka-beberapa daerah di New South Wales untuk bekerja dengan kaki-tangan2 siaran luar bandar Radio Australia.

Kedua2 orang pegawai itu kemudian-nya akan di-hantar ka-Canberra dan melawat la-dang2 di-pusat2 pertanian yang lain-nya, kerana mena-

matkan latehan sa-chara praktikal.

Mereka juga akan di-bawa untuk menyaksikan pertunjukkan2 pertanian di-beberapa negeri itu.

Sementara itu, dua orang kakitangan Projek Penghapusan Malaria telah kembali sa-tanah ayer dalam minggu lalu sa-lepas menjalani kursus sa-lama tiga bulan mengenai kerja umum penghapusan malaria di-Manila.

Mereka itu ia-lah Awang Adi bin Ibrahim dan Awang Abdul Karim bin Ahmad.

Awang Adi dan Awang Abdul Karim bertugas sebagai ketua rombongan pengesanan penyakit malaria. Mereka telah di-tawarkan biasiswa Pertubuhan Kesihatan Sadtunia untuk menghadiri kursus itu.

Ketua Projek Penghapusan Malaria, Dr. Yao Tsing Wu berkata, kedua kakitangan itu akan mula melateh kakitangan2 tempatan mengenai kerja2 penghapusan malaria.

PERSATUAN PENUNTUT2 BRUNEI DI-UNITED KINGDOM BENTOK JAWATANKUASA BARU

LONDON. — Awang Adnan bin Penyurat Haji Abu Bakar telah di-pilih sa-bagai Yang Di-Pertua Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom.

Lain2 pegawai yang telah di-pilih ada-lah saperti berikut:—

Timbalan Yang Di-Pertua (jelaki): Ak Asma-lee bin Pg. Ahmad; Timbalan Yang Di-Pertua (perempuan): Dayang Nooraini bte Ahmad Yunus.

Setia Usaha Agong: Awang Lim Jock Seng; Penolong Setia Usaha Pertama: Awang Abdul Rahman bin Haji Karim; Penolong Setia Usaha Kedua: Awang Damit bin Osman.

Setia Usaha Sosial: Awang Abd Rahim bin Abd Latiff; Penolong Setia Usaha Sosial:

Awang Danial bin Haji Hanafiah.

Setia Usaha Kebajikan: Ak Sani bin Pengiran Ahmad; Penolong Setia Usaha Kebajikan: Awang Yassin bin Salleh.

Pegawai Penerangan: Awang Sabli bin Haji Matyassin; Penolong Pegawai Penerangan: Awang Michael Ng.

Bendahari Kehormat: Awang Hassan bin Haji Taha; Penolong Bendahari Kehormat: Ak Kamarulzaman bin D.P. Pg. Ali.

Setia Usaha Sokan: Awang Ibrahim bin Hussaini; Penolong Setia Usaha Sokan: Awang Ariffin bin Azamain.

Pemeriksa Kira2: Ak Ismail bin Pg Damit; Ahli Jawatankuasa: Awang Kassin bin Daud; Jurugambar: Awang Abu Bakar bin Haji Ahmad.

Penyiasatan keupayaan tanah seluruh negeri untuk chari kawasan baik bagi pertanian

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan tidak lama lagi akan memulakan penyiasatan untuk merancang kawasan2 yang terbaik di-negeri ini bagi perkembangan pertanian.

Pengarah Pertanian, Awang K. G. Malet ketika mengumumkan demikian berkata, penyiasatan itu yang di-kenali sa-bagai 'Penyiasatan Keupayaan Tanah' akan merupakan lunas ranchangan apabila selesai kelak bagi perkembangan pertanian lima tahun atau lebih.

Beliau berkata, apabila selesai penyiasan itu kelak ia-nya akan dapat mengadakan keperluan2 yang boleh menjadikan negeri ini kurang bergantung kepada makanan2 dari luar.

Kerajaan telah memohon Sharikat Hunting Technical Services, London untuk menjalankan penyiasatan tersebut.

Awang Malet berkata, sa-orang wakil dari Sharikat tersebut, Dr. A. S. Ashworth sekarang ini berada di-Brunei sa-bagai ketua rombongan untuk memulakan kerja2 mengenai usaha menerbitkan sa-buah peta yang menunjukkan hasil bumi bagi seluruh negeri Brunei dan harapan nya untuk perkembangan.

Ketika di-interview, Dr. Ashworth berkata penyiasatan yang di-jangka selesai dalam masa 16 bulan itu, bukan saja akan menunjukkan kawasan2 yang mempunyai harapan yang baik pertanian tetapi juga kawasan2 yang mempunyai sumber2 kayu-kayan dan lombong yang sa-harus-nya di-berikan penyiasatan lanjutan.

Dr. Ashworth, berkata, kerja2 penyiasatan itu akan di-mulakan tidak lama lagi sa-telah shariat2 pengkajian yang mu'tamat di-persetujui oleh sa-orang pakar dari pertubuhan FAO yang di-jangka tiba di-negeri ini.


Satu rombongan sa-ramai empat orang akan menjalankan penyiasatan terhadap penggunaan tanah pada masa ini dan menghantar chontoh2 untuk di-analisis serta mengkaji chara2 berladang yang ada sekarang ini.

Dr. Ashworth tiba di-Brunei pada awal bulan ini dan sedang menghabiskan masa mendampingi diri-nya dengan keadaan negeri ini.

Beliau telah melawat Bidas, Labi, Labu Estate, Temburong dan Batu Apoi.

Sa-belum tiba di-Brunei, Dr. Ashworth berkhidmat di-Pakistan di-mana Sharikat Hunting Technical Services mengusahakan sa-buah projek untuk mengadakan ranchangan bagi perkembangan pertanian di-wilayah Sind.

PELADANG2 LUAGAN DUDOK BELAJAR GUNAKAN JENTERA PEMBAJAK



Peladang2 di-Kampung Luagan Dudok, Tutong kelihatan dalam gambar atas sedang mempelajari chara2 menggunakan jentera pembajak yang ditunjukkan oleh Pegawai Pertanian, Awang Ahmad bin Bayan pada hari Sabtu lepas.

Peraduan membacha Al-Koran peringkat Daerah Brunei/Muara

BANDAR BRUNEI. — Peraduan membacha ayat2 suci Al-Koran peringkat Daerah Brunei dan Muara akan di-adakan pada hari Jumaat 27 Oktober, 1967 bertempat di-Dewan Madrasah Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Bandar Brunei.

Peraduan itu akan di-mulakan pada pukul 8.30 pagi.

Peraduan2 peringkat awal ia-itu peringkat kawasan telah pun di-jalankan dalam bulan lalu dan

Kelas menaip di-buka

Ada-lah di-maalumkan ka-pada penuntut2 kelas menaip Melayu Peringkat Teringgi bahawa kelas tersebut akan di-buka semula pada hari Isnin 30 Oktober, 1967 jam 4.00 petang.

wakil2 dari kawasan itu akan bertanding dalam peringkat daerah tersebut.

Pertandingan peringkat daerah itu ada-lah bagi memilih wakil2 Daerah Brunei dan Muara untuk menyertai pertandingan peringkat negeri yang akan di-langsungkan tidak berapa lama lagi.

Kapada peserta2 yang telah di-pilih untuk memasuki peraduan peringkat daerah itu ada-lah di-ingatkan supaya hadir ka-Dewan Madrasah sa-tengah jam sa-belum peraduan di-mulakan kerana hendak mencahut undi ayat2 yang akan di-bacha.

Kaum Muslimin dan Muslimat ada-lah di-persilakan hadir untuk mengikuti peraduan itu.

JOHARI BAKAL KETUA KAMPONG PADNUNOK

TUTONG. — Sa-ramai 82 orang penduduk Kampung Padnunok di-Daerah Tutong, hari Sabtu lepas telah mengundi kerana pemilihan sa-orang ketua kampung baru, bertempat di-Sekolah Melayu Kiu-dang.

Keputusan menunjukkan Awang Johari bin Bungsu mendapat 37 undi dan Awang Sumin bin Ampil mendapat 33 undi, sementara 12 undi rosak.

Kedua2 orang itu telah di-chalunkan kerana jawatan tersebut, oleh orang2 kampung dalam satu pertemuan tidak lama dulu untuk menggantikan ketua kampung

lama, Awang Agal bin Orang Kaya Temenggong, yang meninggal dunia dalam bulan November, 1965.

Pegawai Daerah Tutong Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh, yang mempengerusikan pemilihan itu berkata, nama Awang Johari, yang mendapat undi terbanyak itu, akan di-kemukakan kepada pihak kerajaan, untuk mendapatkan persetujuan, sesuai dengan peraturan melantek sa-orang ketua kampung.

Rumah sakit di-bena di-Tutong

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Perubatan dan Kesihatan, telah menguntokkan sa-buah tapak, seluas 10 ekar di-sa-buah bukit dekat Pekan Tutong kerana pembenaan sa-buah rumah sakit baru bagi daerah itu.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Dato Dr. P. I. Franks berkata, meski pun rumah sakit yang akan mempunyai 50 buah katil itu kecil sedikit, tetapi ia-nya dapat memenuhi keperluan2 Pekan Tutong sa-lama beberapa tahun.

Kata-nya, perbincangan awal mengenai reka bentuk rumah sakit itu, sedang di-adakan antara beliau dengan arkitek2 pembenaan pusat perubatan itu.

Mereka akan memulakan kerja reka-bentuk bangunan tersebut sa-telah satu plan yang di-dasarkan kapada penerangan-nya yang bertulis, di-persetujui.

Dr. Franks berkata, Tutong sekarang ini mempunyai dua orang pegawai perubatan, sa-orang daripadanya doktor wanita yang diam di-pekan itu, di-bantu oleh sa-orang ketua jururawat kesihatan.

Sa-lain dari merawat orang2 sakit di-klinik, merawat kampung2 kawasan luar bandar, doktor wanita itu juga merawat ibu2 yang mengandung dan yang telah bersalin, serta menguruskan kesihatan umum bagi kanak2 yang biasa di-lakukan.

Bangunan SMMP di-tambah

DARI MUKA 1

sahaja dari SMJA tetapi juga dari lain2 sekolah di-daerah Brunei dan Muara.

Ia-nya merupakan sekolah campuran, dan penuntut2 perempuan yang belajar telah mengembangkan kapada jumlah penuntut2 di-sekolah itu.

Perlu-nya di-adakan banyak lagi sekolah2 menengah Melayu di-negeri ini, ada-lah berikutan semakin bertambah-nya jumlah murid2 yang memasuki ka-sekolah rendah pada tiap2 tahun.

Di-kawasan Brunei Satu sahaja, enam buah sekolah rendah ada-lah di-perlukan tahun depan, untuk menempatkan murid2 yang kebanyakan-nya dari Kampung Ayer.

Di-Daerah Belait, sa-buah sekolah menengah Melayu yang sejajar dengan SMMP sedang di-siapkan, bagi memenuhi keperluan pelajaran penuntut2 menengah di-daerah itu.

Kelas pelajaran sekolah menengah di-daerah Belait sekarang di-tempatkan di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin.

Di-Bangar, Sekolah Melayu Sultan Hassan merupakan dua chorak pengajian rendah dan menengah sementara di-Tutong kelas2 pelajaran menengah yang di-tempatkan di-S. M. Muda Hashim juga merupakan sa-buah sekolah rendah.